

## SYARAT-SYARAT AM

### KEJOHANAN SUKAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN NEGERI PERAK 2017

#### **1.0 PENGANJURAN**

KEJOHANAN SUKAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN 2017 ini, akan dikelolakan sepenuhnya oleh Majlis Daerah Kampar dengan mendapat khidmat nasihat dari Bahagian Kerajaan Tempatan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak. Bagi maksud pengelolaan, Majlis Daerah Kampar akan menubuhkan jawatankuasa-jawatankuasa sebagaimana berikut :-

- 1.1 Sebuah Jawatankuasa Induk yang akan membuat perancangan dan mengelola bagi semua program-program dan aktiviti KEJOHANAN SUKAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN dan menubuhkan Jawatankuasa-Jawatankuasa kerja yang bertanggungjawab kepada Jawatankuasa Induk.
- 1.2 Majlis Daerah Kampar selaku tuan rumah KEJOHANAN SUKAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN adalah bertanggungjawab sepenuhnya dalam memastikan segala dasar yang telah diputuskan oleh Jawatankuasa Induk di laksanakan dengan baik dan sempurna atas kerjasama Jawatankuasa Induk beserta Jawatankuasa-Jawatankuasa Kerja yang ditubuhkan.
- 1.3 Semua kejadian am akan diputuskan berdasarkan kepada PERATURAN AM KEJOHANAN SUKAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN 2017.
- 1.4 Majlis Daerah Kampar akan bertanggungjawab di dalam organisasi teknikal dan seluruh kawalan pengurusan pertandingan.

#### **2.0 TARIKH KEJOHANAN**

Tarikh rasmi Kejohanan adalah pada **17 – 19 November 2017**. Penyusunan jadual setiap acara yang dipertandingkan akan dibuat dan akan dimaklumkan dalam mesyuarat pengurus.

#### **3.0 JENIS SUKAN DIPERTANDINGKAN**

3.1	BOLA SEPAK
3.2	BOLA JARING
3.3	SEPAK TAKRAW
3.4	BADMINTON
3.5	PING PONG
3.6	BOLING
3.7	KAROM
3.8	DART
3.9	TARIK TALI
3.10	GOLF

#### 4.0 PENDAFTARAN SERTA KELAYAKAN PESERTA

- 4.1 Terbuka kepada semua pegawai, kakitangan dan Ahli Majlis kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan.
- 4.2 Penggunaan pemain IMPORT adalah dibenarkan berdasarkan klasifikasi yang ditetapkan oleh pihak pengelola. (Pinjaman dari PBT lain turut diklasifikasi sebagai IMPORT)
- 4.3 Takrifan terperinci bagi kelayakan peserta seperti berikut :-

<b>Bil</b>	<b>Kategori</b>	<b>Klasifikasi</b>
Pindaan pada 25.08.2017	1. Taraf perjawatan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• TETAP DAN 'CONTRACT OF SERVICE'.</li> <li>• Tarikh akhir pengambilan perjawatan untuk layak menjadi peserta adalah pada 30 September 2017.</li> </ul>
	2. Tahap umur	18 tahun ke atas sahaja pada 30 September 2017 sahaja.
Pindaan pada 25.08.2017	3. Taraf Ahli Majlis	Sedang berkhidmat dengan PBT pada tahun kejohanan sahaja.
	4. Veteran	Lelaki – 40 tahun dan ke atas pada tahun 2017 Wanita – 35 tahun dan ke atas pada tahun 2017
5.	‘VVIP’	Pegawai Gred - 41 dan ke atas dan Ahli Majlis sahaja
6.	‘VIP’	Pegawai Gred - 29 dan ke atas sahaja
7.	Import	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Berkhidmat di Jabatan/ Agensi Kerajaan/ Badan Berkanun di dalam kawasan PBT masing-masing sahaja.</li> <li>• Bertaraf jawatan TETAP.</li> <li>• Mendapatkan pelepasan majikan tempat berkhidmat.</li> <li>• Import berstatus pemain KEBANGSAAN, NEGERI, SUKMA dan BELIA NEGERI tidak dibenarkan (2017).</li> </ul>

- 4.4 Penggunaan jumlah pemain import adalah tertakluk kepada ketetapan seperti berikut :-

<b>BIL.</b>	<b>PBT</b>	<b>BIL. KAKITANGAN</b>
1	SUK	>700
2	Majlis Bandaraya Ipoh	>700
3	Majlis Perbandaran Manjung	663
4	Majlis Perbandaran Taiping	537
5	Majlis Perbandaran Teluk Intan	309
6	Majlis Perbandaran Kuala Kangsar	272
7	Majlis Daerah Kampar,	252
8	Majlis Daerah Tanjung Malim	225
9	Majlis Daerah Kerian	223
10	Majlis Daerah Batu Gajah	218
11	Majlis Daerah Tapah	160
12	Majlis Daerah Perak Tengah	110
13	Majlis Daerah Selama	87
14	Majlis Daerah Gerik	82
15	Majlis Daerah Pengkalan Hulu	68
16	Majlis Daerah Lenggong	66



Bil	Kategori	Klasifikasi
1.	Kontinjen Kategori A	SUK, Majlis Bandaraya Ipoh, Majlis Perbandaran Manjung, Majlis Perbandaran Taiping, dan Majlis Perbandaran Teluk Intan
2.	Kontinjen Kategori B	Majlis Perbandaran Kuala Kangsar, Majlis Daerah Kampar, Majlis Daerah Tanjung Malim, Majlis Daerah Kerian, dan Majlis Daerah Batu Gajah
3.	Kontinjen Kategori C	Majlis Daerah Tapah, Majlis Daerah Perak Tengah, Majlis Daerah Selama, Majlis Daerah Gerik, Majlis Daerah Pengkalan Hulu, dan Majlis Daerah Lenggong

\*\* Kemaskini bilangan kakitangan adalah sehingga 1 Mei 2017

Bil.	Sukan	Kategori Jabatan (Jumlah Import Dibenarkan)		
		KONTINJEN Kategori A	KONTINJEN Kategori B	KONTINJEN Kategori C
1.	Bola Sepak	2	3	5
2.	Bola Jaring	2	3	3
3.	Sepak Takraw	1	1	1
4.	Golf	1	2	2
5.	Bowling	-TIADA-	-TIADA-	-TIADA-
6.	Ping Pong	1	2	2
7.	Badminton	1	2	2
8.	Karom	-TIADA-	-TIADA-	-TIADA-
9.	Dart	-TIADA-	-TIADA-	-TIADA-
10.	Tarik Tali	-TIADA-	-TIADA-	-TIADA-

- 4.5 Pegawai / kakitangan SELAIN daripada tetap dan 'contract of service' TIDAK LAYAK untuk menyertai kejohanan ini.
- 4.6 Pegawai kakitangan di bawah lantikan Persekutuan tetapi telah ditugaskan/ditempatkan di jabatan yang bertanding **LAYAK** untuk menyertai kejohanan ini tertakluk kepada takrifan di para 4.3.
- 4.7 Pendaftaran peserta perlu disertakan dengan salinan kad pengenalan, dokumen perjawatan, slip gaji terkini dan dua (2) keping gambar berukuran passport.
- 4.8 Bagi pemain IMPORT, perlu mendapat persetujuan / pelepasan daripada majikan/ pengurus pasukan sukan yang berkenaan dan pemain itu sendiri.
- 4.9 Setiap kontinjen PBT yang membuat tujuan tersebut hendaklah melengkapkan borang persetujuan / pelepasan pemain yang akan disediakan oleh Jawatankuasa Induk.
- 4.10 Mana-mana PEGAWAI DAN KAKITANGAN PBT yang sedang atau pernah mewakili pasukan Kebangsaan atau Negeri DIBENARKAN bertanding.

Pindaan pada  
25.08.2017

- 4.11 Pegawai pasukan boleh dilantik dari kalangan bukan kakitangan awam berdasarkan kepakaran dalam bidang sukan tersebut, tetapi tidak layak untuk bermain untuk pasukan berkenaan.
- 4.12 Pengurus, Jurulatih dan Fisio dibenarkan bermain sekiranya mereka adalah di kalangan kakitangan PBT sahaja. Nama mereka hendaklah didaftarkan juga dalam senarai pemain.
- 4.13 Pemain yang tidak didaftarkan tidak dibenarkan mengambil bahagian. Sekiranya berlaku sedemikian, penyertaan pasukan tersebut dalam pertandingan ini akan dibatalkan secara automatik. Semua perlawanan sebelumnya yang disertai oleh pasukan tersebut dianggap tidak sah. Jika menang, kemenangan percuma akan diberikan kepada pihak lawan.
- 4.14 Jumlah pegawai dan pemain yang perlu didaftarkan adalah berdasarkan jenis sukan yang akan disebut dalam **PERATURAN TEKNIKAL** di Bab 'B'.
- 4.15 Setiap pemain dibenarkan untuk didaftarkan bermain lebih dari satu (1) jenis sukan. Walaubagaimanapun, risiko perlu ditanggung sendiri oleh pihak pemain dan pasukan jika berlaku pertindihan jadual melibatkan penyertaan pemain tersebut.
- 4.16 Borang dan dokumen-dokumen yang berkaitan hendaklah disahkan oleh Datuk Bandar / Yang DiPertua / Setiausaha Majlis Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Perak.
- 4.17 Semua borang penyertaan yang lengkap dengan nama pemain dan pegawai akan disahkan di dalam mesyuarat pengurus-pengurus pasukan yang akan di adakan sebelum pertandingan dijalankan.
- 4.18 Hanya pemain berdaftar yang telah disahkan namanya semasa Mesyuarat Pengurus sahaja yang dibenarkan untuk bermain di sepanjang kejohanan berlangsung.
- 4.19 Walaubagaimanapun, sebarang pertukaran pemain selepas Mesyuarat Pengurus adalah DIBENARKAN dengan bayaran sebanyak **RM 350.00 (Ringgit Malaysia : Tiga Ratus Lima Puluh Sahaja)** tunai bagi setiap pemain yang hendak ditukarkan. Pertukaran tersebut hanya boleh di buat di Urusetia Kejohanan melalui borang yang disediakan.
- 4.20 **Tarikh akhir penyerahan nama peserta** bagi kesemua kontinjen adalah sebelum atau pada **30 September 2017**.

## 5.0 FORMAT PERTANDINGAN

- 5.1 Pelaksanaan pertandingan akan dilaksanakan berdasarkan acara melibatkan kategori pemain dan menggunakan undang-undang seperti berikut :-

Pindaan pada  
25.08.2017

<b>Bil.</b>	<b>Sukan</b>	<b>Kategori pemain</b>	<b>Undang-Undang Digunakan</b>
1.	Bola Sepak	Lelaki Terbuka Veteran	Lembaga Persekutuan Bola Sepak Antarabangsa (FIFA)
2.	Bola Jaring	Wanita Terbuka	International Female Netball Association (IFNA)
3.	Sepak Takraw	Lelaki Terbuka	Undang-Undang Persatuan Sepak Takraw Malaysia (PSM)
4.	Golf	Lelaki Terbuka Veteran	Rules of Golf, Royal and Club of St. Andrews (R & A)
5.	Boling	Lelaki / Wanita Terbuka VVIP Masters	Persatuan Tenpin Boling Malaysia (MTBC)
6.	Ping Pong	Lelaki / Wanita Terbuka VIP / VVIP	Persekutuan Ping Pong Antarabangsa (ITTF)
7.	Badminton	Lelaki / Wanita Terbuka Veteran VIP / VVIP	Persekutuan Badminton Antarabangsa
8.	Karom	Lelaki/Wanita Terbuka	<i>Local Carrom Federation</i>
9.	Dart	Lelaki/Wanita Terbuka	Persatuan Dart Malaysia
10.	Tarik Tali	Lelaki Terbuka	Undang-Undang Persatuan Tarik Tali

- 5.2 Maklumat lanjut format dan teknikal pertandingan berdasarkan acara adalah dirujuk dalam **PERATURAN TEKNIKAL SUKAN** di Bab 'B'.
- 5.3 Majlis Daerah Kampar dengan kerjasama Persatuan Sukan Negeri / Daerah akan menetapkan format-format pertandingan bagi setiap jenis sukan yang dipertandingkan.
- 5.4 Semua jenis sukan hendaklah selesai di pertandingan mengikut tempoh sebagaimana di tetapkan oleh pengajur kejohanan.
- 5.5 Semua jenis sukan akan dijalankan secara liga satu (1) pusingan di peringkat awal. Pasukan akan diagihkan mengikut undian kumpulan yang akan dijalankan. Pusingan Suku Akhir, Separuh Akhir dan Akhir akan dijalankan secara kalah mati.
- 5.6 TIADA UNDIAN SEMULA selepas perlawanan peringkat kumpulan.
- 5.7 Penentuan untuk tempat ketiga dan keempat akan dilangsungkan.

- 5.8 Jawatankuasa Induk berhak untuk mengubahsuai format pertandingan dalam tujuan melicinkan lagi perjalanan serta mencakupi tempoh yang telah ditetapkan.
- 5.9 Pemberian mata akan diberikan bagi perlawanan peringkat kumpulan :-

Mata		
Menang	Seri	Kalah
3	1	0

- 5.10 Sekiranya dua (2) atau lebih pasukan terikat dengan mata yang sama maka kiraan penentuan mata di buat sebagaimana ketetapan di dalam Peraturan Pertandingan bagi setiap jenis sukan.

## 6.0 JADUAL PERTANDINGAN

- 6.1 Jadual perlawanan bagi semua jenis sukan termasuk tarikh, masa dan tempat pertandingan akan ditetapkan oleh Jawatankuasa Pengangur.
- 6.2 Sebarang perubahan jadual akan dimaklumkan kepada setiap pasukan setelah disahkan oleh Jawatankuasa Pengangur.

## 7.0 PENANGGUHAN

- 7.1 Tarikh, masa dan tempat perlawanan yang telah ditetapkan atau dijadualkan sama sekali tidak boleh ditangguh atau diubah oleh mana-mana pasukan yang mengambil bahagian.
- 7.2 Jawatankuasa Pengelola diberikan kuasa mutlak untuk menangguh atau mengubah sesuatu perlawanan atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan.
- 7.3 Mana-mana perlawanan yang ditangguhkan maka Jawatankuasa Teknikal Pertandingan hendaklah menetapkan semula perlawanan yang tertangguh itu serta merta.
- 7.4 Setiap peserta dikehendaki berada di padang atau gelanggang perlawanan selewat-lewatnya sepuluh (10) minit sebelum pertandingan bermula. Kegagalan pasukan hadir dalam tempoh lima belas (15) minit dari masa yang dijadualkan untuk memulakan perlawanan, maka pasukan tersebut dianggap menarik diri dan kemenangan percuma akan diberikan kepada pihak lawan dengan pemberian tiga (3) mata.

## 8.0 PERLAWANAN YANG DITUNDA/DIHENTIKAN

Perlawanan akan ditunda atau diberhentikan sekiranya :-

- 8.1 Sekiranya pengadil berpendapat perlawanan tidak boleh diteruskan dan perlu ditangguhkan atas sebab-sebab di luar jangkaan atau bencana atau atas faktor

keselamatan atau sebab-sebab teknikal maka Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan akan membuat keputusan dan keputusan tersebut adalah muktamad.

- 8.2 Sekiranya Pengadil memberhentikan perlawanan atas sikap pegawai dan pemain sesebuah pasukan yang gagal mengawal emosi, maka kemenangan akan diberikan kepada pasukan lawan dan ia tidak dikategorikan sebagai perlawanan tertangguh.

## 9.0 MENARIK DIRI

Menarik diri dalam mana-mana perlawanan adalah TIDAK DIBENARKAN sama sekali. Pasukan-pasukan akan dianggap menarik diri dari kejohanan dalam keadaan-keadaan berikut :-

- 9.1 Jika pasukan tidak melaporkan diri untuk satu perlawanan atau gagal menurunkan bilangan minimum pemain pada permulaan permainan yang telah dijadualkan kecuali atas sebab-sebab yang boleh diterima oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan.
- 9.2 Jika pasukan enggan meneruskan permainan atau meninggalkan padang / gelanggang sebelum tamat masa perlawanan.
- 9.3 Jika sesebuah pasukan memberikan kemenangan percuma.
- 9.4 Jika pasukan gagal menamatkan jadual perlawanan dalam pertandingan tanpa mendapat persetujuan Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan ; atau
- 9.5 Mana-mana pasukan yang menarik diri sebelum / selepas perlawanan bermula maka pasukan berkenaan dianggap menarik diri keseluruhan perlawanan dan semua keputusan perlawanan terdahulu dibatalkan.
- 9.6 Pasukan yang menarik diri dalam pertandingan akan dikenakan denda sebanyak **RM 1,000.00 (Ringgit Malaysia : Satu Ribu Sahaja)** tunai.

## 10.0 KEMUDAHAN

- 10.1 Jawatankuasa Penganjur bertanggungjawab menyediakan kemudahan asas yang berkaitan dengan penganjuran.
- 10.2 Keperluan pasukan termasuk makan minum, penginapan dan pengangkutan adalah di bawah tanggungjawab KONTINJEN masing-masing.
- 10.3 Pasukan adalah bertanggungjawab menyediakan pakaian serta kelengkapan peserta seperti jersi, kasut, raket dan sebagainya.
- 10.4 Setiap pasukan hendaklah menyediakan sekurang-kurangnya dua (2) set jersi yang berlainan warna bagi mengelakkan warna jersi yang serupa semasa perlawanan.

## **11.0 PEGAWAI TEKNIKAL, PEGAWAI PERTANDINGAN & PENGADIL**

- 11.1 Majlis Daerah Kampar akan bekerjasama dengan Persatuan Sukan Negeri / Daerah dan bertanggungjawab melantik pegawai-pegawai teknikal, pegawai pertandingan serta pengadil atau hakim berdasarkan cadangan dari pihak Persatuan Sukan Negeri.
- 11.2 Pihak pengajur akan mempastikan pengadil-pengadil atau hakim yang bertugas adalah terdiri dari mereka-mereka yang bertauliah, profesional atau berpengalaman dalam sesuatu acara sukan.
- 11.3 Pengajur pertandingan akan menyediakan pembantu pengadil dan penjaga garisan untuk semua acara pertandingan berkaitan.
- 11.4 Majlis Daerah Kampar melalui Jawatankuasa Pertandingan akan melantik dengan rasminya seorang Pengerusi Teknikal dan Penasihat Pertandingan daripada kalangan ahli persatuan sukan yang terlibat.
- 11.5 Pengerusi Teknikal dan Penasihat Pertandingan adalah bertanggungjawab untuk mempastikan segala persiapan Teknikal dan Pertandingan serta di laksanakan mengikut Peraturan AM dan Peraturan Pertandingan Sukan berkaitan serta panduan-panduan yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pengajur.
- 11.6 Tanggungjawab Pengerusi Teknikal dan Penasihat Pertandingan :-
  - a) Melantik pegawai-pegawai teknikal dan hakim / pengadil kejohanan.
  - b) Melawat dan mengesahkan *venue-venue* pertandingan sesuai untuk digunakan bagi tujuan pertandingan.
  - c) Menyedia, menyemak dan mengesahkan jadual-jadual perlawanan.
  - d) Menentukan semua perlawanan dijalankan mengikut peraturan dan jadual pertandingan yang telah ditetapkan.
  - e) Menentukan jadual tugas, pegawai-pegawai pertandingan seperti hakim, pengadil, penjaga garisan yang dilantik untuk mengadili perlawanan yang telah diaturkan sebagaimana jadual pertandingan.

## **12.0 PEGAWAI, PEMAIN SIMPANAN & PENYOKONG**

- 12.1 Hanya pegawai dan pemain simpanan sesebuah pasukan yang bertanding pada sesuatu masa sahaja dibenarkan untuk berada di kawasan bangku simpanan.

- 12.2 Warna pakaian pegawai dan pemain yang berada di bangku simpanan mestilah berbeza dengan pegawai perlawanan dan pemain yang sedang beraksi di padang atau gelanggang (penggunaan ‘bib’ dibenarkan).
- 12.3 Pegawai pasukan yang berada di bangku simpanan hendaklah sentiasa mengawal tingkah laku mereka, bersopan dan bertanggungjawab.
- 12.4 Penyokong di setiap pasukan hendaklah berada di tempat atau kawasan yang ditentukan oleh Jawatankuasa Pengelola melalui Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan.
- 12.5 Pegawai pasukan dan pemain yang duduk di bangku simpanan serta penyokong sama sekali dilarang melakukan perkara-perkara berikut :-
- Memasuki padang permainan tanpa kebenaran pengadil.
  - Melakukan provokasi sama ada dengan perkataan mahupun perbuatan, mengeluarkan kata-kata yang menyinggung perasaan atau isyarat lucu kepada pegawai pasukan, pemain atau pegawai simpanan.
  - Membantah keputusan pengadil sama ada dengan perkataan, perbuatan atau niat yang boleh menimbulkan keresahan penonton.
  - Merokok / ‘penggunaan vape’ di kawasan bangku simpanan atau kawasan teknikal.
  - Pemain-pemain / penyokong tidak dibenarkan makan, merokok dan minum minuman keras semasa pertandingan diadakan di dalam dewan atau zon pertandingan.
  - Merosakkan peralatan bangku simpanan atau melakukan perkara-perkara yang boleh merosakkan bangku simpanan dan kawasan teknikal serta sebarang peralatan pengelolaan.
  - Membaling atau melontar sebarang objek ke dalam padang permainan.
- 12.6 Sebarang kelakuan buruk yang diarahkan kepada pegawai / pengadil di luar gelanggang adalah dianggap dilakukan di dalam gelanggang.

### **13.0 BANTAHAN**

- 13.1 Sebarang bantahan dan rayuan hanya akan dibuat oleh pengurus pasukan melalui borang rasmi yang disediakan pihak Jawatankuasa Pertandingan tidak lewat daripada tiga puluh (30) minit selepas tamat perlawanan pasukan tersebut kepada Jawatankuasa Juri Rayuan.

- 13.2 Bantahan dan rayuan hendaklah dibuat melalui Pengurus Pasukan secara bertulis tiga puluh (30) minit selepas pertandingan tamat dengan disertakan wang tunai **RM500.00 (Ringgit Malaysia: Lima Ratus Sahaja)** sebagai pertaruhan.
- 13.3 Bantahan berkaitan status pemain hanya boleh dibuat pada pusingan awal sahaja dengan memberikan pembuktian yang kukuh. Sebarang bantahan berkaitan status pemain yang dibuat selepas pusingan awal (peringkat kumpulan) tidak akan dilayan.
- 13.4 Bantahan terhadap keputusan mengenai perkara-perkara berkaitan teknikal yang diputuskan oleh pengadil atau hakim adalah TIDAK DIBENARKAN. Segala keputusan Jawatankuasa Rayuan dan bantahan adalah muktamad. Wang bantahan tidak akan dikembalikan jika ia ditolak dan akan menjadi hakmilik penganjur.
- 13.5 Bantahan terhadap keputusan mengenai perkara-perkara berkaitan teknikal yang diputuskan oleh pengadil atau hakim adalah TIDAK DIBENARKAN. Segala keputusan Jawatankuasa Rayuan dan Bantahan adalah muktamad.

## **14.0 LEMBAGA RAYUAN & BANTAHAN**

- 14.1 Sebarang bantahan yang dikemukakan akan dibawa ke pertimbangan Jawatankuasa Lembaga Rayuan dan Bantahan.
- 14.2 Pengurus Pasukan atau Pegawai Pasukan boleh mengemukakan soalan atau bantahan secara bertulis dengan disertakan bukti kepada Lembaga Rayuan ini. Selain dari itu, Lembaga Rayuan boleh mencampuri mana-mana perkara yang bukan teknikal yang diluar bidang kuasa Lembaga Rayuan yang ditubuhkan oleh tiap-tiap pasukan.
- 14.3 Lembaga Rayuan berhak mendapatkan maklumat-maklumat dan mana-mana pihak yang berkaitan dengan perkara yang akan dibincangkan untuk membuat keputusan.
- 14.4 Lembaga Rayuan dan Bantahan ini akan dilantik oleh pihak penganjur dan sebarang keputusan yang dibuat adalah muktamad.

## **15.0 LEMBAGA DISIPLIN & TATATERTIB**

- 15.1 Satu Lembaga Disiplin dan Tatatertib akan diwujudkan semasa kejohanan ini berlangsung. Lembaga ini bertanggungjawab untuk menentukan dan mempertimbangkan sebarang kejadian yang melibatkan kesalahan dan pelanggaran syarat / peraturan kejohanan.
- 15.2 Lembaga ini akan bersidang bagi menentukan bentuk tindakan yang akan diambil sekiranya keputusan/tindakan tidak dapat dilaksanakan oleh Jawatankuasa Teknikal bagi mana-mana acara sukan.

- 15.3 Lembaga Rayuan dan Bantahan ini akan dilantik oleh pihak penganjur dan sebarang keputusan yang dibuat adalah muktamad.

## **16.0 HADIAH & PENENTUAN JUARA**

- 16.1 Hadiah-hadiah yang akan disediakan oleh Penganjur untuk kepada pegawai dan pemain yang didaftarkan sebagaimana berikut :-
- a) Piala Pusingan bagi juara setiap sukan.
  - b) Medal-medal iringan kepada pegawai dan pemain
- 16.2 Piala Pusingan khusus untuk juara keseluruhan akan disediakan. Penentuan juara keseluruhan akan dibuat berdasarkan pungutan mata terbanyak seperti berikut :-

<b>Peringkat</b>	<b>Mata</b>
Johan	100
Naib Johan	80
Ke-3	60
Ke-4	40
Suku Akhir	20

## **17.0 GANTI RUGI**

- 17.1 Majlis Daerah Kampar, Jawatankuasa Induk, Jawatankuasa Kerja, Pegawai dan petugas tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kemalangan atau kecelakaan sama ada ia melibatkan jiwa maupun fizikal yang mungkin berlaku kepada mana-mana individu yang terlibat sepanjang temasya ini berlangsung.
- 17.2 Semua pasukan yang mengambil bahagian adalah dinasihatkan untuk mengambil perlindungan insurans masing-masing.

## **18.0 HAL-HAL LAIN**

- 18.1 Setiap pasukan hendaklah menentukan warna tema masing-masing dan berlainan di antara pasukan yang mengambil bahagian.
- 18.2 Jawatankuasa Penganjur berhak mengambil atau membuat keputusan kepada sebarang perkara yang tidak berbangkit dan yang tidak tercatat dalam Peraturan Am.
- 18.3 Sebarang keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Induk atau Jawatankuasa Kerja adalah muktamad.
- 18.4 Sebarang keputusan yang dibuat semasa Mesyuarat Pengurus-pengurus Pasukan bagi setiap jenis sukan adalah muktamad dan tidak boleh dibantah selagi ia tidak bercanggah dengan Peraturan Am serta keputusan penganjur.

- 18.5 Penganjur juga mempunyai kuasa mutlak untuk memeriksa kelayakan peserta-peserta yang di daftarkan pada bila-bila masa. Sekiranya terdapat peserta yang tidak layak menyertai sukan ini sebagaimana tercatat di dalam Peraturan Pertandingan maka penyertaan peserta terbabit akan dibatalkan. Jika peserta itu mewakili pasukan maka kemenangan pasukan itu akan dibatalkan. Sekiranya ia bermain dalam acara individu maka kemenangan dalam acara tersebut akan dibatalkan. Sebarang kemenangan pingat juga akan dibatalkan.
- 18.6 Mana-mana perkara yang tidak diperuntukkan dalam peraturan ini adalah ditentukan oleh Jawatankuasa Penganjur dan keputusan tersebut adalah muktamad.
- 18.7 Segala hal yang tidak diperuntukkan di bawah peraturan-peraturan ini atau soal perbezaan tafsiran akan diputuskan oleh Jawatankuasa Teknikal KEJOHANAN SUKAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN 2017 dan ianya adalah muktamad.

## **19.0 SUMBANGAN & YURAN KHAS**

- 19.1 Bagi melancarkan kejohanan setiap pasukan diwajibkan untuk memberi sumbangan kewangan bagi pengurusan kejohanan dengan kadar seperti berikut:-

<b>BIL</b>	<b>KATEGORI PASUKAN</b>	<b>JUMLAH SUMBANGAN (RM)</b>
1	MAJLIS BANDARAYA / SUK	RM 10,000.00
2	MAJLIS PERBANDARAN	RM 8,000.00
3	MAJLIS DAERAH	RM 6,000.00

- 19.2 Pihak penganjur berhak untuk menuntut yuran khas bagi acara-acara sukan tertentu yang akan dimaklumkan kemudian dalam Mesyuarat Pengurus Pasukan.

Urusetia Kejohanan  
Kelab Sukan  
Majlis Daerah Kampar